

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

**TARIKH JAWAPAN : -
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah usaha dan tindakan Kementerian dalam memastikan agar Tenaga Nasional Berhad (TNB) tidak memonopoli kontrak Sabah Electricity Sdn. Bhd. melalui anak syarikatnya REMACO Sdn. Bhd. dengan kaedah pemberian terus kontrak bernilai beratus juta.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Syarikat Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) merupakan syarikat utiliti tunggal yang memberikan perkhidmatan bekalan elektrik kepada pengguna-pengguna di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan (WP Labuan). Tenaga Nasional Berhad (TNB) memegang sebanyak 80% ekuiti dalam SESB manakala 20% ekuiti lagi dipegang oleh Kerajaan Negeri Sabah. Lazimnya, kontrak-kontrak bagi projek-projek pembekalan elektrik yang dilaksanakan di negeri Sabah dan WP Labuan adalah dibuat secara tender terbuka, di mana syarikat-syarikat yang mempunyai kelayakan dan kemampuan yang berkaitan termasuk anak syarikat TNB, iaitu TNB Repair & Maintenance Sdn. Bhd. (TNB REMACO) dibenarkan untuk menyertai tender-tender tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Syarikat TNB REMACO juga perlu bersaing dengan para petender yang lain tanpa sebarang "*price preference*" khusus yang diberikan kepada syarikat berkenaan.

2. Selain daripada itu, terdapat juga beberapa kontrak antara pihak SESB dan TNB REMACO yang dibuat melalui rundingan terus berdasarkan konsep Kerjasama Strategik (*Strategic Collaboration*). Ini termasuklah pelaksanaan kontrak-kontrak seperti Perkhidmatan Penyelenggaraan (MSA), Perkhidmatan Operasi dan Penyelenggaraan (O&M) dan Perundingan Pengurusan Projek (PMC). Kerjasama Strategik ini adalah bertujuan seperti berikut:-

- (i) mengoptimumkan penggunaan keupayaan dan sumber dalaman (*optimization of internal capability & resources*) bagi memanfaatkan (*leveraging*) pengalaman, kemahiran teknikal dan *market intelligence*, dengan izin, yang dipunyai oleh TNB REMACO;
- (ii) sebagai salah satu platform bagi mempertingkatkan *internal capacity building*, dengan izin, untuk anak-anak syarikat TNB dan dalam masa yang sama SESB memanfaatkan dari segi pemindahan teknologi; dan
- (iii) membolehkan SESB, sebagai anak syarikat TNB, juga dapat memanfaatkan dari segi *quality assurance & trust*, dengan izin,

dan juga *risk sharing*, dengan izin, untuk perkhidmatan yang ditawarkan oleh anak-anak syarikat lain dalam kumpulan TNB.

3. Dalam hal ini juga, antara pertimbangan lain bagi kontrak-kontrak yang dibuat melalui kerjasama strategik ini adalah seperti berikut:-

- (i) keadaan sistem penyampaian di SESB pada ketika ini masih kritikal dan memerlukan bantuan segera terutama dari pihak TNB selaku pemegang saham terbesar dalam SESB;
- (ii) kerjasama strategik ini adalah berlandaskan kepada semangat (*spirit*) bahawa TNB REMACO berperanan untuk “membantu” SESB dan tidak seharusnya mengambil kesempatan untuk mengenakan kadar harga/ keuntungan yang keterlaluan;
- (iii) kerja-kerja yang dilaksanakan melalui inisiatif ini secara umumnya bersifat kritikal dan perlu disegerakan; dan
- (iv) kontrak-kontrak ini juga bukan bersifat “*exclusive*” kepada TNB REMACO.

4. Kontrak-kontrak ini juga disyaratkan supaya menggunakan sumber dalaman REMACO sahaja. Sekiranya terpaksa menggunakan khidmat tambahan secara *outsource*, maka kontraktor-kontraktor tempatan (Sabah) akan diberi keutamaan sekiranya perkhidmatan tersebut boleh diperolehi (*available*) di Sabah.
